

Mekanisme baharu kesan peniaga elak GST

BH 10/11

➔ Kaedah pastikan setiap urusan niaga premis dihubungkan terus dengan sistem IT JKDM

Oleh Nazura Ngah, Haryani Ngah dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan akan memperkenalkan satu mekanisme baharu bagi mengesan peniaga yang cuba mengelak daripada membayar cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata mekanisme itu akan memastikan setiap urusan niaga premis berkenaan dihubungkan terus

dengan sistem teknologi maklumat (IT) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), sekali gus membolehkan pemantauan dijalankan lebih berkesan.

"Kita sedang memikirkan satu mekanisme iaitu satu sistem di mana kita boleh meletakkan 'dongle' (peranti kecil) dalam mesin daftar tunai supaya setiap kali memasukkan daftar tunai, ia akan dihubungkan dengan kastam (JKDM).

Kes spesifik

"Oleh itu, tidak ada lagi isu peniaga hendak atau tidak hendak (memasukkan GST dalam bil)... bagaimanapun kita tidak boleh buat kepada semua (premis perniagaan) kerana ia sangat mahal, kita buat pada kes yang spesifik... ini yang kita sedang usahakan," katanya.

Beliau menjawab celahan Ng Wei Aik (DAP-Tanjong) ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 peringkat jawatankuasa bagi kementeriannya, di Dewan Rakyat, semalam.

Wei Aik membangkitkan kes salah laku peniaga memberi pilihan kepada pembeli sama ada mahu memasukkan GST ke dalam invoice atau sebaliknya.



Kita sedang memikirkan satu mekanisme iaitu satu sistem di mana kita boleh meletakkan 'dongle' (peranti kecil) dalam mesin daftar tunai supaya setiap kali memasukkan daftar tunai, ia akan dihubungkan dengan kastam (JKDM)"

Johari Abdul Ghani,
Menteri Kewangan II

Johari berkata, pihaknya sudah mengarahkan 12,000 pegawai JKDM mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan dan mengambil tindakan susulan jika menerima aduan atau berdepan masalah itu ketika mengunjungi mana-mana premis perniagaan.

Kastam hadapi masalah

"Kastam sering berdepan masalah peniaga memberi opsiyen kepada pembeli, sama ada mahu (memasukkan) GST atau tidak (dalam bil)... jika kita membeli barang yang tidak mahu dikenakan GST, bermakna syarikat itu tidak akan mengisytiharkan perolehan mereka, perolehan itu tidak akan dimasukkan ke dalam buku.

"Ini bermakna apabila dia membuat pelaporan kepada kastam atau LHDN (Lembaga Hasil Dalam Negeri), ia akan bergantung kepada penjualan yang dikenakan GST, yang tidak ada GST tidak akan masuk dalam buku.

"Untuk jangka panjang, kita juga mahu pengguna memastikan tidak ada mana-mana peniaga menggunakan skim ini, kita perlu laporkan," katanya.